

# FAKTOR PENGGUBALAN DASAR LUAR

## Ikatan sejarah dan budaya

- (a) Penggubalan dasar luar mempunyai kaitan dengan nilai sejarah yang dilalui oleh negara kita.
- (b) Malaysia menjalin hubungan rapat dengan negara-negara serantau dan antarabangsa seperti Singapura, Indonesia, Brunei, Filipina, Thailand, Burma (kini Myanmar), China dan India kerana terdapat ikatan sejarah dan budaya yang kukuh.
- (c) Hubungan Malaysia dengan negara Arab Saudi, Mesir, Yaman dan Turki dipengaruhi oleh ikatan keagamaan yang terjalin.
- (d) Sebagai sebuah negara bekas jajahan British, Malaysia turut menyertai pertubuhan Komanwel selepas mencapai kemerdekaan.

## Keperluan nasional

- (a) Keperluan nasional bermaksud memberikan keutamaan kepada kepentingan negara.
- (b) Kepentingan negara diberi keutamaan dalam penggubalan dasar luar untuk menjaga kedaulatan negara di samping memastikan dasar luar menguntungkan negara.
- (c) Dalam membentuk dasar luar dengan negara serantau, kedudukan yang strategik menjadi perkiraan utama.
- (d) Hubungan baik dengan negara luar membolehkan Malaysia menjaga kebajikan rakyat Malaysia yang berada di luar negara jika diperlukan.
- (e) Kepentingan ekonomi dan keamanan merupakan sebab utama Malaysia mengamalkan dasar luar yang bebas dan berkecuali serta menjalin hubungan dengan semua



## Kepimpinan

- (a) Kebijaksanaan dan kebolehan pemimpin negara turut menjadi asas penting dalam penggubalan dasar luar Malaysia.
- (b) Pemimpin perlu peka tentang perkembangan pada peringkat antarabangsa serta perubahan yang berlaku bagi menentukan hala tuju dasar luar negara.
- (c) Tahun 1990-an menyaksikan perubahan sikap pemimpin negara daripada kecenderungan terhadap negara maju kepada dasar menjalin hubungan dengan negara-negara sedang membangun.
- (d) Malaysia menjalin hubungan dengan negara-negara sedang membangun di Afrika dan negara kepulauan di Pasifik Selatan.

## Persekitaran luar

- (a) Perkembangan politik, ekonomi dan sosial antarabangsa yang sentiasa berubah menyebabkan penggubalan dasar luar Malaysia disesuaikan dengan perubahan yang berlaku.
- (b) Pada era Perang Dingin, penggubalan dasar luar negara adalah lebih kepada dasar probarat.
- (c) Berdasarkan perkembangan yang berlaku pada tahun 1970-an, Malaysia mengubah dasar luarnya daripada probarat kepada tidak berpihak.

